

KEAJAIBAN AL QURAN

Dr Zakuan Zainy Deris

Essei ini memenangi hadiah saguhati Pertandingan Menulis Essei sempena Minggu Penghayatan Al Quran anjuran Pusat Islam USM, Kampus Kesihatan.

Pengenalan

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa. (Al Baqarah 2)

Al Quran merupakan kitab wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada rasulNya yang mulia Muhammad s.a.w lebih empat belas abad yang lalu. Ia diturunkan secara berperingkat-peringkat memakan



Mukjizat yang begitu agung kepada Rasulullah

masa lebih dua puluh tahun. Ayat-ayatnya terbahagi kepada dua zaman iaitu makiyyah dan madaniyyah sesuai dengan keadaan zaman dan penerimaan para sahabat r.a. Ia tidak berubah dan tidak dapat ditandingi sehingga akhir zaman. Al Quran merupakan mukjizat yang teragung untuk dipelajari, dijadikan panduan dan diamalkan oleh seluruh umat manusia sepanjang zaman.

Mukjizat yang diberikan kepada rasul-rasul lain lebih berupa keajaiban yang dapat dilihat dengan mata, dipegang dengan tangan dan dirasa dengan lidah. Nabi Musa a.s sebagai contohnya diberikan keupayaan oleh Allah untuk menukar tongkatnya menjadi seekor ular yang besar yang mengalahkan semua ular ahli-ahli sihir. Apabila kaumnya kelaparan, Nabi Musa a.s.

dapat memberikan makanan melalui hidangan daripada langit. Apabila dikejar Firaun, Nabi Musa boleh menggunakan tongkatnya untuk membelah Laut Merah. Nabi Isa a.s pula berupaya mengubat penyakit-penyakit yang ganjil, yang tidak dapat diubat oleh orang biasa. termasuk menghidupkan orang mati. Semua mukjizat ini dapat diakui oleh seorang yang tidak berpelajaran sekalipun sesuai dengan umat pada masa tersebut.

Berbanding dengan mukjizat rasul terdahulu, al Quran dapat dirasai keajaibannya oleh orang yang berilmu dan menggunakan akal fikirannya. Al Quran lebih mencabar kepada minda dan pemikiran manusia. Dari semua sudut, al Quran lebih tinggi daripada apa yang boleh dibayangkan oleh manusia. Dari sudut sastera, al Quran lebih hebat daripada semua sajak dan syair yang ada. Dari sudut sejarah, al Quran membuktikan ketepatan sejarah yang sangat jitu. Dari sudut ramalan masa depan, al Quran terbukti tepat dengan beberapa peristiwa yang berlaku sesudah wahyu diturunkan kepada Muhammad s.a.w. Dari sudut sains pula, al Quran sangat agung yang dibuktikan tepat setelah berabad-abad ia diturunkan. Perkara ini sangat mustahil dapat diterangkan oleh seorang yang tidak tahu membaca dan menulis seperti Muhammad s.a.w. sekiranya beliau tidak mendapat petunjuk wahyu daripada Allah s.w.t.

Kita dapat melihat salah satu keajaiban al Quran adalah tentang proses penciptaan manusia yang dibuktikan betul oleh sains moden setelah empat belas kurun ia diturunkan.

Keajaiban Penciptaan Manusia menurut al Quran

Manusia dicipta bermula daripada persenyawaan setitis air mani yang mengandungi sperma di dalamnya. Ini disebut di dalam al Quran:


إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ نُطْفَةٍ أَمْشَاجٍ نَبْتَلِيهِ فَجَعَلْنَاهُ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٢﴾

Sesungguhnya Kami telah aturkan cara mencipta manusia bermulanya dari air mani yang bercampur, serta Kami tetap mengujinya (dengan kewajipan-kewajipan); oleh itu maka Kami jadikan dia berkeadaan mendengar dan melihat. (Al Insaan 2)

Banyak lagi ayat-ayat lain yang menceritakan tentang penciptaan manusia bermula daripada persenyawaan sperma dalam air mani ini. Ayat ini juga meletakkan pendengaran lebih dahulu daripada penglihatan. Ini sesuai dengan hakikat penciptaan manusia yang mana mereka boleh mendengar sejak dalam rahim lagi tetapi boleh melihat hanya selepas dilahirkan. Dalam al Quran juga, secara jelas menceritakan bahawa bukan semua air mani yang digunakan untuk menjadikan manusia tetapi sebaliknya hanya sebagainya sahaja. Firman Allah:

أَلَمْ يَكُ نُطْفَةً مِّن مَّنِي يَمْنَىٰ ﴿٣٧﴾

Bukankah dia berasal dari air mani yang dipancarkan (ke dalam rahim)?
(Al Qiyamah 37)



Benih yang terbaik akan disenyawakan

Perkataan yang digunakan oleh Allah dalam ayat ini adalah "nutfatam min maniyin yumna" yang bermaksud sebahagian daripada air mani yang dipancarkan. Di dalam surah al Sajdah ayat 8, Allah menggunakan perkataan "sulalah" yang bermaksud saripati, iaitu bahagian yang paling baik dalam satu-satu campuran.

Air mani tersebut tidak boleh berkembang dengan sendiri menjadi manusia seperti yang dipercayai oleh orang terdahulu semasa Al Quran diturunkan. Tetapi sebaliknya air mani itu mesti bercantum dengan telur daripada kaum hawa untuk menjadi manusia. Firman Allah:

خُلِقَ مِنْ مَّاءٍ دَافِقٍ ﴿٦﴾ تَخْرُجُ مِنْ بَيْنِ

الصُّلْبِ وَالتَّرَائِبِ ﴿٧﴾

Dia diciptakan dari air (mani) yang memancut (ke dalam rahim); Yang keluar dari "tulang sulbi" lelaki dan "tulang dada" perempuan
(At-Thariq 6-7)

Sulbi dan taraib dalam ayat ini dijelaskan oleh Dr Zakir Abdul Karim Naik sebagai tempat di mana keluarnya salur darah yang membekalkan darah kepada testis (kilang sperma) dan ovari (kilang telur)

terletak antara tulang sulbi dan tulang dada¹. Iaitu saluran darah *testicular artery* dan *ovary artery* bermula dari satu tempat antara tulang sulbi dan tulang dada. Ini dibuktikan benar oleh sains moden bahawa saluran darah ke testis dan ovari berasal daripada *abdominal aorta* dan *renal artery* bukannya berasal dari salur darah setempat.

Jantina bagi manusia ditentukan oleh sperma daripada bapa bukannya telur daripada ibu. Ini dijelaskan oleh Allah dalam ayatnya:

وَأَنَّهُ خَلَقَ الزَّوْجَيْنِ الذَّكَرَ وَالْأُنثَىٰ ﴿٤٥﴾ مِن نُّطْفَةٍ إِذَا تُمْنَىٰ ﴿٤٦﴾

Dan bahawa sesungguhnya, Dialah yang menciptakan pasangan lelaki dan perempuan. Dari (setitis) air mani ketika dipancarkan (ke dalam rahim)
(An Najm 45-46)

Dalam ayat lain Allah menyebut:

أَلَمْ يَكُ نُطْفَةً مِّن مَّنِيِّ يَمْنَىٰ ﴿٢٧﴾ ثُمَّ كَانَ عَلَقَةً فَخَلَقَ فَسَوَّىٰ ﴿٢٨﴾ فَعَجَلَ مِنْهُ الذَّكَرَ وَالْأُنثَىٰ ﴿٢٩﴾

Bukankah dia berasal dari air mani yang dipancarkan (ke dalam rahim)? Kemudian air mani itu menjadi sebuku darah beku, sesudah itu Tuhan menciptakannya, dan menyempurnakan kejadiannya (sebagai manusia)? Lalu Tuhan menjadikan daripadanya dua jenis lelaki dan perempuan
(Al Qiyamah 37-39)

Perkara ini dibuktikan tepat oleh sains moden iaitu jantina manusia ditentukan oleh sperma yang mempunyai genetik XY bukannya telur yang hanya mempunyai sejenis genetik XX sahaja.

Perkembangan manusia di dalam rahim disebut secara jelas di dalam Al Quran sebanyak tiga peringkat. Firman Allah:

ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظْمًا فَكَسَوْنَا الْعِظْمَ لَحْمًا ثُمَّ أَنشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ ﴿١٤﴾

Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk ia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.
(Al Mu'minun 14)

Peringkat-peringkat ini di dalam istilah Al Qurannya disebut sebagai "*alaqah*", "*mudghah*" dan "*Nasy-ah*". *Alaqah* sering disebut oleh orang arab sebagai benda yang bergantung seumpama lintah². Ini jelas menggambarkan peringkat *zygote* iaitu peringkat pertama setelah hasil persenyawaan melekat di dinding rahim. *Mudghah* pula adalah seumpama daging atau *chewing gum* yang dikunyah. Ia biasanya akan meninggalkan kesan gigi pada bahan yang dikunyah tersebut. Peringkat *mudghah* ini dikenali dalam istilah



¹ Zakir Abdul Karim Naik. Quran and Modern Science: Compatible or Incompatible. Saba Islamic Media Kuala Lumpur. 2004 ms 51

² Harun Yahya. Miracle of The Quran Al-Attique Publishers Inc. Canada 2001 ms 59

anatomi sebagai peringkat *embryo* berlaku daripada minggu ke lima hingga ke lapan kandungan. Bentuk seperti gigitan itu adalah peringkat pembentukan tulang belakang primitive yang dikenali sebagai *somite*. Di akhir peringkat *mudhghah* terdapat peringkat pembentukan organ disebut di dalam al Quran sebagai *'idzama*. Pembentukan organ ini berlaku dengan pembentukan daging kemudian pembentukan tulang dan kemudiannya otot-otot membaluti tulang tersebut pula. Bermula dari akhir minggu ke lapan, *embryo* ini menjadi seolah-olah makhluk lain. Peringkat ini disebut dalam al Quran sebagai *nasy-ah*. Peringkat ini hampir semua organ telah terbentuk dan mula berfungsi.

Perkara ini dibuktikan tepat setelah teknologi mikroskop dan endoskop berkembang dalam abad ke 20. Mustahil seorang yang tidak tahu membaca dan menulis seperti Rasulullah s.a.w. dapat menerangkan perkembangan dengan peringkat-peringkat yang terperinci sebegini.

Apa yang menariknya, ayat tentang penciptaan manusia di dalam Al Quran disudahi dengan konsep ketuhanan yang agung iaitu *Allah sebaik-baik pencipta*. Di dalam ayat lain, Allah mencabar manusia:

يَأْتِيهَا النَّاسُ إِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِّن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِّن عُلُقَةٍ ثُمَّ مِّن مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُّخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ ۚ وَنُقِرُّ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نَخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لَتَبَلِّغُوا أَشَدَّكُمْ ۗ وَمِنْكُمْ مَّن يُّتَوَفَّىٰ وَمِنْكُمْ مَّن يُرَدُّ إِلَىٰ أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِن بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا ۚ وَتَرَىٰ الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ وَأَنْبَتَتْ مِن كُلِّ زَوْجٍ

بِهَيْجِ

Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatikan kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami) dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga dia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh) dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai. (Al Haj 5)

Harun Yahya dalam bukunya *The Miracle of Human Creation*³ menekankan bahawa tidak ada sebarang syak bahawa Allah yang mengawal setiap peringkat perkembangan manusia dalam kandungan

³ Harun Yahya. *The Miracle of Human Creation* Goodword Books New Delhi, India 2003 ms 148

ibu, yang menentukan kelahiran manusia di alam ini dan yang menentukan saat kematian manusia. Jadi sudah semestinya manusia tunduk dan patuh kepada Allah selaku penciptanya dan penjaganya itu.

Penutup

Sudah jelas bahawa keajaiban penciptaan manusia atau keajaiban lain yang ditunjukkan oleh al Quran bukanlah untuk dikagumi sahaja oleh manusia. Ianya adalah untuk dijadikan petunjuk bagi manusia dan seterusnya meyakini bahawa al Quran benar-benar datang daripada Allah. Manusia patut menginsafi kelemahan diri sendiri dan seterusnya menuruti sebarang perintah Allah tanpa sebarang persoalan.

Firman Allah:

كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَكُنْتُمْ أَمْوَاتًا فَأَحْيَاكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ

تُرْجَعُونَ

Mengapa kamu sanggup engkar kepada Allah, padahal kamu dahulunya tiada, lalu Allah menghidupkan kamu, kemudian kamu dimatikan dan dihidupkan-Nya kembali, kemudian kepada-Nya-lah kamu dikembalikan?
(Al Baqarah 28)

Rujukan

1. Zakir Abdul Karim Naik. Quran and Modern Science: Compatible or Incompatible. Saba Islamic Media Kuala Lumpur Malaysia (2004)
2. Harun Yahya. Miracle of the Quran. Al-Attique Publishers Inc. Canada (2001)
3. Harun Yahya. The Miracle of Human Creation Goodword Books New Delhi, India (2003)